

Perjelas kekeliruan ajaran agama: PM

BH 1 9 SEP 2000

KOTA KINABALU, Isnin - Golongan masyarakat yang dipertanggungjawabkan dengan soal agama mesti bertindak untuk memperbetulkan ajaran yang bertentangan dengan Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak bertanggungjawab jika orang yang dipertanggungjawabkan memelihara kebersihan Islam, membiarkan ajaran sesat dan dakwaan yang bertentangan dengan agama, berkembang, mengelirukan dan menghancurkan akidah umat Islam.

Sehubungan itu, beliau menegur mereka yang mendakwa sebagai ulama

tetapi membuat pernyataan dan tafsiran mengenai isi kandungan al-Quran dengan tujuan menghalal atau memajukan kepentingan diri dengan tafsiran berbau politik yang didukungnya.

Sambil menegaskan ulama pada zaman silam tidak mempunyai kepentingan selain mengembangkan Islam, katanya kini ada ulama terdiri daripada orang politik yang kerap kali membuat tafsiran salah atau hanya memetik dan mentafsirkan separuh saja ayat al-Quran.

"Hari ini umat Islam berpecah kepada banyak mazhab, tarikat dan juga pengikut ulama dan guru

tertentu. Perbezaan dalam perkara yang bukan pokok kepada agama Islam memanglah perkara biasa

UCAPAN PENUH PERDANA MENTERI DI MUKA 23

yang diterima oleh agama Islam.

"Tetapi jika perbezaan itu ketara, bahkan ajaran yang disampaikan adalah jelas bertentangan dengan ajaran Islam, maka masyarakat dan mereka yang dipertanggungjawabkan mengenai soal agama mestilah bertindak untuk memperbetulkannya," katanya.

Dr Mahathir berkata

demikian ketika merasmikan majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan kali ke-43 di Dewan Sa'a-

dah, Wisma Muis di sini malam ini. Majlis itu turut disiarkan secara langsung oleh RTM.

Beliau berkata, jika perbezaan pendapat itu tidak membabitkan akidah, permusuhan yang ketat sehingga umat Islam berpecah-belah tidak harus berlaku tetapi adalah tidak mungkin bagi mana-mana pihak memaksa seluruh umat Islam menerima ha-

nya tafsiran dan ajaran mereka saja.

Katanya, selagi perbezaan terhadap perkara yang bukan menjadi pokok dan tidak membabitkan akidah dijadikan sebab orang Islam terbahagi kepada puak dan kumpulan yang bermusuhan, selama itulah umat Islam tidak dapat bersatu-padu dan bersaudara.

"Ini bermakna orang Islam tidak menghiraukan ajaran Islam yang amat penting iaitu mukmin adalah bersaudara. Di Malaysia yang mana umat Islam hanya 60 peratus daripada penduduk seramai 22 juta orang, perpaduan dan persaudaraan di kalangan

orang Islam juga tidak tercapai.

"Ini disebabkan tafsiran-tafsiran berkenaan ajaran agama, termasuk terjemahan, tafsiran dan ulasan al-Quran itu sendiri dibuat secara berbeza-beza kerana kepentingan tertentu.

"Dengan itu, ramai orang Islam di Malaysia terkeliru mengenai ajaran Islam dan bertentangan sesama sendiri serta berpecah-belah," katanya.

Dr Mahathir berkata, kefahaman mengenai ajaran al-Quran menjadi lebih penting kerana wujud banyak ajaran dan tafsiran

LIHAT MUKA 2

Tafsiran sebenar elak ajaran sesat

DARI MUKA 1

BH

1 9 SEP 2000

yang tidak tepat yang dibuat oleh orang tertentu.

Katanya, dengan mengetahui tafsiran dan terjemahan dalam bahasa yang difahami dan ditafsirkan mengikut tafsiran yang sebenar, maka dapatlah dikenali dan menolak ajaran ajaran sesat.

Sebenarnya, kata beliau, bukan mudah untuk memahami isi al-Quran, malah orang yang berbahasa Arab atau faham bahasa Arab pun tidak mudah memahami al-Quran.

Katanya, ini kerana di samping ada ayat yang tepat dan mudah difahami, ada pula banyak ayat yang tidak begitu jelas melainkan setelah diulas dan diterangkan maksudnya oleh ulama yang mendalami ajaran Islam dan al-Quran.

"Ulama yang dimaksud-

kan ialah ulama yang tidak mempunyai kepentingan selain daripada keikhlasan untuk memandu umat Islam kepada ajaran yang sebenarnya.

"Jika ulama yang membuat penjelasan dan tafsiran mengenai isi kandungan al-Quran terdiri daripada orang yang berkepentingan lain, tidak dapat tidak ulasan dan tafsiran akan dibuat dengan tujuan menghalal atau memajukan kepentingan diri atau puaknya saja," katanya.

Beliau berkata, jika ulama itu terdiri daripada orang politik, maka tafsirannya tetap berbau politik yang didukung olehnya.

Malah, katanya, kerap kali pula tafsiran yang salah dibuat atau separuh saja daripada ayat yang dipetik dan ditafsir.